TAN TAI KWAN lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AHMAD ZAIDI IBRAHIM HMR
AZMAN ABDULLAH HMR
AZMI ARIFFIN HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-09-71-04-2023]
8 APRIL 2025

Abstract – *(i) Satu pertuduhan terhadap tertuduh yang sempurna dan tiada apa-apa cacat celanya dan mematuhi kehendak peruntukan ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah tidak akan menyebabkan apa-apa kekeliruan atau prejudis yang boleh menyebabkan 'miscarriage of justice' pada kes pembelaan; (ii) Jika prosiding pendakwaan terhadap tertuduh dikendalikan oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya, maka ketiadaan izin Pendakwa Raya tidak akan mencacatkan kes pendakwaan; (iii) Isu 'withholding or suppression of evidence' oleh pihak pendakwaan sama sekali tidak berbangkit jika kewujudan seorang saksi tidak disembunyikan oleh pihak pendakwaan malah ditawarkan pada pihak pembelaan. Dalam situasi ini, isu anggapan bertentangan menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 yang cuba dibangkitkan oleh pihak pembelaan sama sekali tidak bermerit; (iv) Kesalahan rasuah adalah satu kesalahan yang serius dan tidak boleh dipandang ringan. Hukuman berat harus dikenakan atas setiap percubaan/perlakuan rasuah khususnya yang melibatkan penjawat awam, sebagai satu mesej yang jelas kepada masyarakat.*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan rasuah – Memberi suapan wang tunai kepada seorang ejen Kerajaan – Sama ada pertuduhan dikenakan atas tertuduh cacat dan defektif – Isu kesilapan pada izin Pendakwa Raya – Sama ada memprejudiskan tertuduh – Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi material sebagai saksi – Sama ada membangkitkan inferens menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 – Sama ada penyerahan wang suapan terbukti – Sama ada tertuduh gagal mematahkan anggapan statutori menurut s. 50 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Sabitan dan hukuman yang setimpal – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 152, 153 & 154*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Rayuan – Kesalahan rasuah – Sama ada kesalahan serius – Sama ada hukuman berat harus dikenakan*

Tertuduh telah dituduh di Mahkamah Sesyen dengan satu pertuduhan bawah s. 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') dan boleh dihukum bawah s. 24 Akta yang sama kerana telah secara rasuah

memberikan sejumlah wang RM19,050 kepada Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara ('JPN') iaitu SP1, supaya tidak diambil tindakan undang-undang terhadap tertuduh dan seorang rakan wanitanya bernama Li Ting ('SD3') yang disyaki melakukan kesalahan, masing-masing, bawah Peraturan 25(1)(n) dan Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 ('Peraturan Pendaftaran Negara'). Pada 28 Jun 2018, SP3 (Pegawai JPN) serta pasukannya telah menahan seorang warganegara China iaitu, SD3, kerana disyaki melakukan satu kesalahan berkaitan pemalsuan kad pengenalan (MyPR). Li Ting telah dibawa ke Ibu Pejabat JPN, Putrajaya untuk tindakan lanjut. Li Ting telah menghubungi kawannya, Tan Tai Kwan ('tertuduh'). Tertuduh telah cuba memujuk dan merayu pada Pegawai JPN supaya tidak mengambil tindakan lanjut terhadap Li Ting. Walau bagaimanapun, Pegawai JPN tidak mengendahkan rayuan dan pujukan tertuduh tersebut. Tertuduh turut dibawa bersama ke Ibu Pejabat JPN, Putrajaya kerana Li Ting tidak memberikan kerjasama kepada Pegawai JPN serta tidak fasih berbahasa Melayu dan Inggeris. Apabila tiba di Ibu Pejabat JPN, Putrajaya, tertuduh dan Li Ting dibawa untuk proses temu-siasat bersama Pegawai JPN yang diketuai oleh SP1, Penolong Pengarah Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Semasa SP1 menemu-siasat tertuduh, tertuduh telah menawarkan wang rasuah berjumlah RM20,000 kepada SP1 supaya SP1 tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap Li Ting yang disyaki melakukan kesalahan menurut Peraturan Pendaftaran Negara. Apabila berlakunya penawaran tersebut, pihak JPN telah menghubungi pihak SPRM kerana dipercayai akan berlakunya satu transaksi pemberian wang suapan berhubung kes yang sedang disiasat oleh pihak JPN tersebut. Tertuduh menghubungi seorang kawannya, Soo Chong Lim, SD2, melalui panggilan telefon dan memintanya membawakan wang sebanyak RM20,000 untuk diserahkan kepada tertuduh bagi maksud untuk diberikan kepada SP1. SD2 tiba menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh dan tertuduh telah menunjukkan wang tersebut kepada SP1. Tertuduh mengira wang tersebut di hadapan SP1 dan menambahkan RM50 kepada jumlah tersebut dari wangnya sendiri. Apabila transaksi pemberian wang daripada tertuduh kepada SP1 berlaku, SP2 membuat tangkapan terhadap tertuduh. Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan memohon untuk dibicarakan. Di akhir kes pembelaan, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mendapati bahawa pihak pembelaan berjaya mematahkan anggapan statutori bawah s. 50 ASPRM, dengan memberikan 'innocent explanation' bahawa wang tersebut bukanlah wang rasuah/suapan, dan telah melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan. Di Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati bahawa alasan yang diberikan tertuduh kononnya wang tersebut adalah wang untuk menjamin Li Ting adalah tidak boleh diterima dan tidak logik. Dalam mengetepikan keputusan HMS, HMT telah

mendapati bahawa HMS tersalah arah apabila memberi kepercayaan pada keterangan tertuduh yang tidak jujur, lebih daripada keterangan SP1 yang kredibel dan telah disokong itu. Tertuduh selanjutnya didapati bersalah, disabitkan dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama satu hari dan denda sebanyak RM30,000, gagal bayar, enam bulan pemenjaraan. Di hadapan mahkamah ini, tertuduh telah membangkitkan beberapa isu bagi mencabar keseluruhan keputusan HMT iaitu; (i) pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh adalah cacat dan defektif; (ii) izin Pendakwa Raya adalah cacat dan defektif; (iii) kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi material iaitu SD2 sebagai saksi pendakwaan telah membangkitkan inferens menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta Keterangan'); dan (iv) perbezaan jumlah wang rasuah/wang suapan yang diberikan tertuduh kepada SP1. Pihak pendakwaan pula mengemukakan rayuan silang terhadap hukuman oleh HMT dan menghujahkan, antara lain, bahawa hukuman tersebut adalah terlalu ringan jika dibandingkan dengan hukuman yang diperuntukkan undang-undang.

Diputuskan (menolak rayuan tertuduh; membenarkan rayuan silang pihak pendakwaan)

Oleh Azman Abdullah HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Selain Li Ting yang disyaki melakukan kesalahan memiliki kad pengenalan palsu, versi pendakwaan adalah tertuduh sendiri gagal mengemukakan kad pengenalannya pada hari kejadian, dan ini satu kesalahan menurut Peraturan 25(1)(n) Peraturan Pendaftaran Negara. Walau apa pun, sama ada kesalahan gagal mengemukakan kad pengenalan tersebut sebenarnya dilakukan oleh tertuduh atau tidak, ini sama sekali tidak menjadikan pertuduhan tersebut cacat dan defektif. Kesalahan tersebut perlu dibuktikan di mahkamah menurut beban pembuktian yang ditetapkan oleh undang-undang, sekiranya dipertuduhkan. Sungguhpun jika kesalahan yang dinyatakan tidak dipertuduhkan di mahkamah, adalah kuasa prerogatif Pendakwa Raya sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak wajar dipersoalkan. Sehubungan itu, pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh adalah sempurna dan tiada cacat celanya, sah dan teratur serta telah mematuhi kehendak peruntukan ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Segala butiran tentang bentuk kesalahan, masa, tempat dan orang dan bila cara melakukan kesalahan telah dinyatakan dengan jelas yang membolehkan tertuduh membangkitkan pembelaannya. Tidak wujud langsung kekeliruan atau kesan prejudis yang boleh menyebabkan 'miscarriage of justice' pada kes pembelaan. (perenggan 27-29)

(2) Oleh kerana prosiding pendakwaan terhadap tertuduh dikendalikan oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya, maka isu kesilapan pengekeranian pada izin PP (pada tarikh kesalahan dilakukan) sama sekali tidak memprejudiskan tertuduh. Malah, ketiadaan izin PP berkenaan juga tidak akan mencacatkan kes pendakwaan. Apatah lagi, pertuduhan yang telah dibacakan serta diakui faham oleh tertuduh mengandungi tarikh serta butiran-butiran lain yang tepat sebagaimana dikehendaki undang-undang, dan pihak pembelaan tidak pernah terhalang mahupun terkeliru dalam membangkitkan pembelaan yang efektif berhubung kesalahan yang dipertuduh. (perenggan 35 & 36)

(3) Berdasarkan panduan dan prinsip yang telah digariskan dalam nas-nas duluan berhubung penggunaan 'adverse inference' menurut s. 114(g) Akta Keterangan, kewujudan Soo Chong Lim serta peranannya dalam fakta kes ini tidak pernah disembunyikan oleh pihak pendakwaan. Malah, dia juga telah ditawarkan oleh pihak pendakwaan kepada pihak pembelaan, dan telah hadir memberikan keterangan sebagai SD2. Maka, isu 'withholding or suppression of evidence' di pihak pendakwaan sama sekali tidak berbangkit. Ketiadaan keterangan Soo Chong Lim sebagai saksi pendakwaan juga tidak mencacatkan atau mewujudkan sebarang kelompangan dalam naratif kes pendakwaan. Malah jika dipanggil sebagai saksi pendakwaan juga, tidak memberi apa-apa 'weightage' kepada kes mereka. Tidak wujud sebarang 'ulterior motive' di pihak pendakwaan yang boleh memprejudiskan pihak pembelaan, apatah lagi saksi berkenaan telah ditawarkan dan dijadikan saksi pembelaan sebagai SD2. Justeru, isu anggapan 'adverse inference' menurut s. 114(g) Akta Keterangan yang cuba dibangkitkan oleh pihak pembelaan ini sama sekali tidak bermerit. (perenggan 44 & 45)

(4) Keterangan pihak pendakwaan sama ada melalui saksi-saksi yang dipanggil, keterangan bertulis (documentary evidence), serta keterangan SD2 sendiri adalah konsisten bahawa jumlah wang suapan yang diberikan terhadap SP1 adalah RM19,050, sebagaimana tepat dinyatakan dalam pertuduhan. Mahkamah ini tidak mempunyai sebab untuk tidak mempercayai versi pendakwaan berhubung jumlah sebenar wang yang telah diberikan oleh tertuduh kepada SP1. Tertuduh sendiri, sepanjang prosiding perbicaraan sehingga ke peringkat rayuan ini, tidak pernah mempertikaikan fakta bahawa sememangnya berlakunya penyerahan wang oleh dirinya kepada SP1 (yang didakwa sebagai wang jaminan untuk menjamin Li Ting pada tarikh 28 Jun 2018). Maka, yakni berlaku penyerahan wang itu sememangnya telah dibuktikan. Justeru, isu perbezaan jumlah wang yang cuba dibangkitkan oleh tertuduh ini sama sekali tidak memberikan sebarang kesan prejudis kepada tertuduh dalam membangkitkan pembelaannya, apatah lagi melemahkan kes pendakwaan. (perenggan 47 & 49)

(5) Isu-isu yang dibangkitkan oleh tertuduh dalam rayuan ini tidak bermerit. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah dan tertuduh telah gagal mematahkan anggapan statutori menurut s. 50 ASPRM tersebut. Sabitan yang dikenakan oleh HMT terhadap tertuduh menurut s. 17(b) ASPRM dan boleh dihukum bawah s. 24 Akta yang sama adalah disahkan dan dikekalkan. (perenggan 50)

(6) Hukuman pemenjaraan selama satu hari dan denda sebanyak RM30,000 gagal bayar enam bulan pemenjaraan yang diberikan oleh HMT tersebut adalah terlalu ringan dan tidak melambangkan keseriusan kesalahan yang dilakukan. Ini digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh dua tahun dan denda sebanyak RM95,250 sekiranya gagal bayar satu tahun penjara. Dengan itu juga, waran komital dikeluarkan terhadap tertuduh. (perenggan 63-66)

English Headnotes

The accused was charged at the Sessions Court under s. 17(b) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('MACCA') punishable under s. 24 of the same Act for having corruptly given a sum of RM19,050 to the National Registration Department Officer ('NRD'), SP1, so that legal action would not be taken against the accused and a female friend named Li Ting ('SD3') who was suspected of committing offences under regs. 25(1)(n) and 25(1)(e) of the National Registration Regulations 1990 ('National Registration Regulations). On 28 June 2018, SP3 (NRD Officer) and his team arrested a Chinese citizen, *ie*, SD3, on suspicion of committing an offence related to forgery of identity cards (MyPR). Li Ting was taken to the NRD Headquarters, Putrajaya for further action. Li Ting contacted her friend, Tan Tai Kwan ('accused'). The accused tried to persuade and appeal to NRD officers not to take further action against Li Ting. However, the NRD officer ignored the accused's appeal and persuasion. The accused was also taken to the NRD Headquarters, Putrajaya because Li Ting did not cooperate with the NRD Officers and was not fluent in Malay and English. Upon arriving at the NRD Headquarters, Putrajaya, the accused and Li Ting were taken for an interrogation process with NRD Officers led by SP1, Assistant Director of the Investigation and Enforcement Division, NRD. While SP1 was interrogating the accused, the accused offered a gratification amounting to RM20,000 to SP1 so that SP1 would not take legal action against Li Ting who was suspected to have committed an offence under the National Registration Regulations. When the offer was made, the NRD contacted the MACC because it was believed that there would be a bribery transaction in relation to the case that was being investigated by the NRD. The accused contacted a friend of his, SD2, *via* phone and asked him to bring

A RM20,000 to be handed over to the accused to be given to SP1. SD2 arrived to hand over the money to the accused and the accused showed the money to SP1. The accused counted the money in front of SP1 and added RM50 to the said amount. When the transaction between the accused and SP1 took place, SP2 arrested the accused. The accused pleaded not guilty to the B charges and claimed trial. At the end of the defence case, the Sessions Court Judge ('SCJ') found that the defence succeeded in rebutting the statutory presumption under s. 50 of the MACCA, by giving an innocent explanation that the money was not gratification, and had released and acquitted the accused of the charges. At the High Court, the High Court Judge ('HCJ') C found the reason given by the accused that the money was to be used as a guarantee for Li Ting, was unacceptable and illogical. In setting aside the SCJ's decision, the HCJ held that there was a misdirection by the SCJ when the SCJ accepted the accused's dishonest testimony, more than SP1's credible and corroborated testimony. The accused was found guilty, convicted and sentenced to imprisonment for one day and a fine of D RM30,000, in default, six months' imprisonment. Before this court, the accused raised several issues to challenge the entire decision of the HCJ, namely (i) the charges against the accused were flawed and defective; (ii) the Public Prosecutor's leave was flawed and defective; (iii) the prosecution's failure to call a material witness, namely SD2 as a prosecution witness, E raised the inference under s. 114(g) of the Evidence Act 1950 ('EA'); and (iv) the difference in the amount of the alleged bribe money given by the accused to SP1. The prosecution, on the other hand, cross-appealed against the sentence by HCJ and argued, *inter alia*, that the sentence was manifestly inadequate compared to the sentences provided under the law.

F **Held (dismissing accused's appeal; allowing prosecution's cross appeal)**
Per Azman Abdullah JCA delivering the judgment of the court:

(1) Apart from Li Ting who was suspected of having a fake identity card, the prosecution's version was that the accused himself failed to present his identity card on the day of the incident, and this was an offence under G reg. 25(1)(n) of the National Registration Regulations. In any case, whether the offence of non-presentation of the identity card was actually committed by the accused or not, it did not at all make the charge flawed and defective. The offence must be proven in court pursuant to the burden of proof set by law, if charged. Even if no charges are preferred H for the offence in court, it is the prerogative of the Public Prosecutor, as enshrined in the Federal Constitution, which should not be questioned. Accordingly, the charges against the accused were not flawed, were valid and orderly and in compliance with the provisions of ss. 152, 153 and 154 of the Criminal Procedure Code ('CPC'). All the

I

details about the nature of the offence, time, place and person and how the offence was committed had been clearly stated which allowed the accused to raise his defence. There was absolutely no confusion or prejudice that could cause a miscarriage of justice to the defence case.

(2) Since the proceedings pertaining to the prosecution of the accused at all times were handled by a Deputy Public Prosecutor, the issues on clerical errors on the consent of the Public Prosecutor (on the date the offence was committed) did not prejudice the accused at all. In fact, the absence of the consent of the Public Prosecutor would not cause the prosecution's case to be defective. The charges that had been read and acknowledged by the accused contained the exact date and other details as required by law, and the defence had never been hindered or confused in raising an effective defence regarding the accused's offence.

(3) Based on the guidelines and principles outlined in the precedent cases regarding the use of adverse inference according to s. 114(g) of the EA, the existence of Soo Chong Lim and his role in the facts of this case had never been withheld by the prosecution. In fact, he was also offered by the prosecution to the defence, and appeared to testify as SD2. Therefore, the issue of withholding or suppression of evidence on the part of the prosecution did not arise at all. The absence of Soo Chong Lim's testimony as a prosecution witness also did not distort or create any loopholes in the narrative of the prosecution's case. Even if he was called as a prosecution witness, it would not give any 'weightage' to their case. There was no 'ulterior motive' on the part of the prosecution that could prejudice the defence, let alone the witness in question having been offered as a defence witness as SD2. Therefore, the issue of 'adverse inference' under s. 114(g) of the EA which the defence attempted to raise was completely without merit.

(4) The prosecution's testimony either through the witnesses, written testimony (documentary evidence), as well as SD2's own testimony was consistent that the amount of gratification given to SP1 was RM19,050, as accurately stated in the charge. This court had no reason not to believe the prosecution's version regarding the actual amount of money that the accused had given to SP1. The accused himself, throughout the trial proceedings up to the appeal stage, had never disputed the fact that there was indeed a handover of money by himself to SP1 (which was alleged to be bail money as a guarantee for Li Ting on 28 June 2018). The fact that the money was handed over had indeed been proven. Therefore, the issue of the difference in the amount of money raised by the accused did not at all prejudice the accused in raising his defence, let alone weaken the prosecution's case.

(5) The issues raised by the accused in this appeal were without merit. The prosecution had succeeded in proving the charge beyond reasonable doubt and the accused had failed to rebut the statutory presumption under s. 50 of the MACCA. The conviction imposed by the HCJ against the accused under s. 17(b) of the MACCA and punishable under s. 24 of the same Act was affirmed and maintained.

(6) The sentence of imprisonment of one day and a fine of RM30,000 in default six months' imprisonment meted out by the HCJ was manifestly inadequate and did not represent the seriousness of the offence committed. This was thus substituted with a sentence of imprisonment for a period of two years and a fine of RM95,250, in default one years imprisonment. Together with that, a warrant of committal was issued against the accused.

Kes-kes yang dirujuk:
Ghasem Hozouri Hassan v. PP [2018] 6 CLJ 133 FC ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
PP v. Ling Leh Hoe [2015] 4 CLJ 869 CA ***(dirujuk)***
PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Nor & Ors [1985] CLJU 25; [1985] 1 LNS 25 SC ***(dirujuk)***
Tarmizi Yacob & Anor v. PP & Another Appeal [2010] 8 CLJ 501 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 152, 153, 154, 294
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 17(b), 24, 50
National Registration Regulations 1990, reg. 25(1)(e), (n)
Penal Code, s. 298A

Bagi pihak perayu - Wong Chiang Kiat, Jason Ng Kau & Michelle Paula Liong; T/n Jason Ng & Partners
Bagi pihak responden - Aznika Mohd Anas, Nurul Qistini Qamarul Abrar & Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur; WA-14-62R-19-04-2019 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Azman Abdullah HMR:

Latar Belakang Kes

[1] Tertuduh, Tan Tai Kwan (No. K/P: 691113-01-5651) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan satu pertuduhan di bawah s. 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') dan boleh dihukum di bawah s. 24 Akta yang sama kerana telah secara rasuah memberikan sejumlah wang RM19,050 kepada Pegawai Jabatan Pendaftaran

Negara ('JPN') iaitu Rosidi bin Basri ('SP1'), supaya tidak diambil tindakan undang-undang terhadap tertuduh dan seorang rakan wanitanya bernama Li Ting ('SD3') yang disyaki melakukan kesalahan masing-masing di bawah Peraturan 25(1)(n) dan Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

[2] Pertuduhan terhadap tertuduh adalah sebagaimana berikut:

> Bahawa kamu, pada 28 Jun 2018 jam lebih kurang 09:00 malam, di Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya di dalam Wiiayah Persekutuan Putrajaya, telah secara rasuah memberi satu suapan, iaitu wang tunai RM19,050.00 kepada seorang ejen kerajaan Malaysia, Rosidi Bin Basri, Penoiong Pengarah Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Jabatan Pendaftaran Negara sebagai dorongan supaya tidak melakukan satu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipainya, iaitu tidak mengambil tindakan ke atas kamu dan seorang lagi individu warganegara China bernama Li Ting kerana telah melakukan satu kesalahan masing-masing di bawah Peraturan 25(1)(n) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dan Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.
>
> Hukuman:
>
> (a) Dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
>
> (b) Didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hai perkara kesalahan itu jika suapan itu didapati dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

[3] Tertuduh tidak mengaku bersalah, justeru satu perbicaraan penuh dijalankan. Di akhir kes pembelaan, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') telah melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan.

[4] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, Pendakwa Raya telah merayu ke Mahkamah Tinggi. Setelah mendengar rayuan Pendakwa Raya, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi ('YA HMT') telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya di mana tertuduh didapati bersalah sebagaimana pertuduhan, disabitkan dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama satu hari dan denda sebanyak RM30,000, gagal bayar, enam bulan pemenjaraan.

[5] Tertuduh yang tidak berpuas hati dengan keputusan YA HMT telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman, dan telah didaftarkan sebagai Rayuan Jenayah No: W-09-71-04/2023. Pendakwa Raya juga telah membuat rayuan silang terhadap hukuman yang telah diberikan oleh YA HMT, dan telah didaftarkan sebagai Rayuan Jenayah No: W-09-80-04/2023.

Kes Pendakwaan

[6] Semasa prosiding perbicaraan di Mahkamah Sesyen, kes pendakwaan secara ringkasnya adalah seperti berikut:

(i) pada 28 Jun 2018, SP3 (Pegawai JPN) serta pasukannya telah pergi ke Bank CIMB cawangan Bandar Puteri, Puchong dan telah menahan dan membawa balik ke Ibu Pejabat JPN, Putrajaya seorang warganegara China bernama Li Ting (SD3) kerana disyaki melakukan satu kesalahan berkaitan pemalsuan kad pengenalan (MyPR). Li Ting (SD3) telah di bawa ke Ibu Pejabat JPN, Putrajaya untuk tindakan lanjut;

(ii) sebelum dibawa ke Putrajaya, Li Ting (SD3) telah menghubungi kawannya, Tan Tai Kwan iaitu tertuduh. Li Ting tidak fasih berbahasa Melayu dan Inggeris. Apabila tertuduh tiba di Bank CIMB cawangan Bandar Puteri tersebut, tertuduh telah cuba memujuk dan merayu kepada Pegawai JPN supaya tidak mengambil tindakan lanjut terhadap Li Ting (SD3). Walau bagaimanapun, Pegawai JPN tidak mengendahkan rayuan dan pujukan tertuduh tersebut. Tertuduh turut dibawa bersama ke Ibu Pejabat JPN, Putrajaya kerana Li Ting (SD3) tidak memberikan kerjasama kepada Pegawai JPN serta tidak fasih berbahasa Melayu dan Inggeris;

(iii) dalam perjalanan ke Ibu Pejabat JPN, Putrajaya, tertuduh masih meminta agar tiada sebarang tindakan diambil terhadap Li Ting (SD3);

(iv) apabila tiba di Ibu Pejabat JPN, Putrajaya, tertuduh dan Li Ting (SD3) dibawa untuk proses temu-siasat bersama Pegawai JPN yang diketuai oleh SP1, Encik Rosidi bin Basri, Penolong Pengarah Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Semasa SP1 menemu-siasat tertuduh, tertuduh telah menawarkan wang rasuah berjumlah RM20,000 kepada SP1 supaya SP1 tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap Li Ting (SD3) yang disyaki melakukan kesalahan menurut Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Apabila berlakunya penawaran tersebut, pihak JPN telah menghubungi pihak SPRM kerana dipercayai akan berlakunya satu transaksi pemberian wang suapan berhubung kes yang sedang disiasat oleh pihak JPN tersebut;

(v) pasukan SPRM tiba di pejabat Ibu Pejabat JPN, Putrajaya yang terdiri daripada SP2, SP6 dan SP7. Tertuduh telah menghubungi seorang kawannya, Soo Chong Lim (SD2) melalui panggilan telefon dan tertuduh telah meminta beliau membawakan wang sebanyak RM20,000 untuk diserahkan kepada tertuduh bagi maksud untuk diberikan kepada SP1. Soo Chong Lim (SD2) tiba di Ibu Pejabat JPN, Putrajaya dan telah berjumpa dengan tertuduh, serta menyerahkan wang tersebut; dan

(vi) tertuduh telah menunjukkan wang tersebut kepada SP1. SP1 telah memberi amaran sewajarnya kepada tertuduh, tertuduh telah mengira wang tersebut di hadapan SP1 dan menambahkan RM50 kepada jumlah tersebut dari wangnya sendiri. Seterusnya, tertuduh telah memberikan wang tersebut kepada SP1. Apabila transaksi pemberian wang daripada tertuduh kepada SP1 telah berlaku, SP2 telah membuat tangkapan terhadap tertuduh.

[7] Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan memohon untuk dibicarakan. Bagi membuktikan pertuduhan, pihak pendakwaan telah mengemukakan sepuluh orang saksi, terdiri daripada lima orang saksi daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), empat orang saksi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan seorang saksi daripada Jabatan Keselamatan Maxis Broadband Sdn Bhd, (Maxis).

[8] Di akhir kes pendakwaan, HMS telah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan yang kukuh serta berjaya membuktikan setiap inti pati pertuduhan di bawah s. 17(b) ASPRM dipenuhi. Justeru, HMS memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan tertuduh dipanggi! untuk membela diri atas pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.

[9] Sehubungan itu juga, HMS memutuskan bahawa anggapan statutori menurut s. 50 ASPRM adalah terpakai terhadap tertuduh dan bebanan kini terletak di bahu tertuduh untuk mematahkan anggapan berkenaan, yakni dengan membuktikan bahawa wang yang diberikan itu bukanlah wang rasuah/ wang suapan, atas imbangan kebarangkalian (on the balance of probabilities).

Kes Pembelaan

[10] Di peringkat pembelaan, tertuduh telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi. Tertuduh juga telah memanggil dua orang saksi bagi menyokong versi pembelaan iaitu Soo Chong Ling (SD2) dan Li Ting (SD3).

[11] Secara ringkasnya, pembelaan tertuduh adalah wang yang diberikan tertuduh kepada SP1, Rosidi bin Basri iaitu Pegawai JPN pada malam kejadian adalah sebagai wang jaminan untuk membebaskan Li Ting dengan jaminan pada hari tersebut. Tertuduh menafikan bahawa ianya merupakan wang rasuah/wang suapan kepada pihak JPN untuk tidak mengambil tindakan terhadap Li Ting (SD3) yang sedang ditahan oleh pihak JPN kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah s. 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

[12] Dalam mencapai keputusan di akhir kes pembelaan, HMS dalam alasan penghakiman beliau menyatakan bahawa beliau telah membuat penilaian maksima terhadap keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan sekali lagi, serta keterangan-keterangan dalam versi pihak pembelaan. Berdasarkan penelitian berkenaan, HMS berpuas hati bahawa pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan berhubung pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh.

[13] Menurut HMS lagi, pihak pembelaan juga telah berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s. 50 ASPRM, dengan memberikan "innocent explanation" bahawa wang tersebut bukanlah wang rasuah/wang suapan. Justeru, HMS telah melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan.

Rayuan Di Mahkamah Tinggi

[14] Pihak Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati dengan perintah pelepasan dan pembebasan oleh HMS tersebut telah merayu terhadap keputusan tersebut ke Mahkamah Tinggi.

[15] Secara ringkasnya, YA HMT dalam alasan penghakiman beliau menyatakan bahawa dapatan HMS adalah tepat apabila setelah membuat penilaian maksima, HMS mendapati bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak Pendakwa Raya (setelah setiap inti pati pertuduhan di bawah s. 17(b) ASPRM berjaya dibuktikan) dan seterusnya memanggil tertuduh untuk membela diri.

[16] Pada peringkat ini, YA HMT juga bersetuju dengan dapatan HMS bahawa anggapan statutori menurut s. 50 APSRM adalah terpakai terhadap tertuduh, melainkan dibuktikan sebaliknya. Oleh itu, tertuduh adalah dianggap telah memberikan wang rasuah/wang suapan sebanyak RM19,050 kepada SP1, sebagai dorongan untuk tidak dikenakan apa-apa tindakan terhadap SD3.

[17] Namun demikian, setelah meneliti keseluruhan rekod-rekod rayuan, YA HMT telah membuat dapatan bahawa HMS telah melakukan kesilapan yang ketara di akhir kes pembelaan. Ini kerana, HMS telah gagal mengambil kira keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, apabila beliau membuat dapatan bahawa tertuduh telah berjaya mematahkan anggapan statutori menurut s. 50 ASPRM dan telah memberikan "innocent explanation" bahawa wang tersebut bukanlah wang rasuah/wang suapan. Atas kegagalan dan kesilapan HMS ini, YA HMT memutuskan bahawa keputusan HMS perlu diketepikan,

[18] Dalam alasan penghakimannya, YA HMT mendapati bahawa alasan yang diberikan tertuduh kononnya wang tunai yang diberikan kepada SP1 dimaksudkan untuk menjamin Li Ting (SD3) adalah tidak boleh diterima.

Hal ini kerana, berdasarkan keterangan menyeluruh saksi-saksi pendakwaan, tertuduh tidak pernah bertanyakan apa-apa, sama ada kepada SP1 atau mana-mana Pegawai JPN mengenai wang jaminan yang perlu dibayar bagi membebaskan Li Ting (SD3) dengan jaminan pada hari tersebut. Keterangan sebaliknya menunjukkan usaha gigih tertuduh dalam menyogok SP1 supaya dapat melepaskan Li Ting (SD3) dari ditahan lanjut, walaupun telah diberitahu beberapa kali bahawa tindakan tertuduh yang menawarkan wang rasuah tersebut adalah salah di sisi undang-undang.

[19] Menurut YA HMT lagi, alasan yang diberikan tertuduh kononnya wang tersebut merupakan wang jaminan adalah tidak logik kerana jaminan hanya ditawarkan apabila satu soal-siasat telah selesai dan ianya perlu ditawarkan oleh pihak berkuasa/pihak JPN secara dokumentasi dengan mengisi borang, di mana tertuduh pastinya akan dikehendaki untuk menandatangani dokumen-dokumen tersebut. Perkara ini sama sekali tidak berlaku.

[20] Seterusnya, YA HMT mendapati bahawa pembelaan tertuduh bahawa dia berusaha keras untuk membantu menjamin keluar Li Ting (SD3) kerana Li Ting (SD3) mempunyai bayi kecil yang masih menyusu badan juga tidak boleh diterima. Menurut YA HMT, isu ini adalah satu pemikiran terkemudian (afterthought), memandangkan sepanjang siasatan berlangsung pada hari kejadian, saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP1 dan Pegawai Penyiasat sendiri tidak pernah dimaklumkan sama ada oleh tertuduh mahupun oleh Li Ting (SD3) sendiri, bahawa dia mempunyai anak kecil yang masih menyusu badan. Justeru, menurut YA HMT lagi, ianya bukan sahaja suatu afterthought, malahan ianya tidak mampu menyangkal anggapan statutori tersebut.

[21] Berhubung kredibiliti saksi-saksi yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, YA HMT mendapati bahawa pada sepanjang masa kejadian, segala tindakan oleh SP1 iaitu saksi utama pihak pendakwaan adalah dalam penglihatan Pegawai-pegawai SPRM dan keterangan SP1 ini juga telah disahkan dan disokong oleh Pegawai-pegawai SPRM sendiri (SP2, SP4 dan SP6). Justeru, keterangan SP1 perlu dipercayai kerana beliau adalah saksi yang kredibel dan tidak berkepentingan, apatah lagi keterangannya telah disokong oleh saksi-saksi lain. Justeru menurut YA HMT lagi, HMS telah tersalah arah apabila memberi kepercayaan kepada keterangan tertuduh yang mempunyai kepentingan sendiri dan tidak jujur, lebih daripada keterangan SP1 yang kredibel dan telah disokong itu.

[22] Atas dapatan di atas, YA HMT telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan mengenepikan keputusan HMS yang telah melepaskan dan membebaskan tertuduh. Tertuduh selanjutnya didapati bersalah, disabitkan dan dijatuhkan hukuman pemenjaraan selama satu hari dan denda sebanyak RM30,000, gagal bayar, enam bulan pemenjaraan.

A **Rayuan Di Hadapan Mahkamah Ini**

[23] Dalam rayuan di hadapan mahkamah ini, tertuduh telah membangkitkan beberapa isu bagi mencabar keseluruhan keputusan YA HMT. Walau bagaimanapun, mahkamah ini hanya akan memberi fokus dan penekanan kepada empat isu utama yang dihujahkan oleh pihak-pihak semasa
B pendengaran, memandangkan isu-isu lain yang dibangkitkan adalah bersangkutan dengan isu utama ini; sebagaimana berikut:

(i) pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh adalah cacat dan defektif;

(ii) izin Pendakwa Raya adalah cacat dan defektif;

C

(iii) kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi material iaitu Soo Chong Ling (SD2) sebagai saksi pendakwaan telah membangkitkan inferens menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950; dan

(iv) perbezaan jumlah wang rasuah/wang suapan yang diberikan tertuduh
D kepada SP1.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah Ini

Isu (i) Pertuduhan Yang Dikenakan Terhadap Tertuduh Adalah Cacat Dan Defektif

E **[24]** Berdasarkan semakan terhadap rekod-rekod rayuan serta pengesahan oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya (TPR) semasa pendengaran rayuan serta di dalam hujahan bertulisnya, Mahkamah ini ingin merekodkan bahawa isu berhubung pertuduhan yang cacat dan defektif ini tidak pernah dibangkitkan oleh tertuduh pada mana-mana peringkat sebelum ini, sama ada
F di peringkat perbicaraan di Mahkamah Sesyen mahupun rayuan di Mahkamah Tinggi.

[25] Menurut tertuduh, frasa "... sebagai dorongan supaya tidak melakukan satu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya, iaitu tidak mengambil tindakan ke atas kamu dan seorang lagi ..." di dalam pertuduhan
G yang dikenakan terhadap tertuduh adalah cacat dan defektif kerana tiada sebarang kesalahan dilakukan oleh tertuduh sendiri yang boleh menyebabkan dirinya diambil tindakan oleh pihak JPN, sekiranya tidak memberi rasuah berkenaan.

[26] Menurut tertuduh lagi, kesalahan hanya dilakukan oleh Li Ting (SD3)
H iaitu memiliki kad pengenalan (MyPR) palsu dan seharusnya, pertuduhan berkenaan hanya menyatakan bahawa perbuatan rasuah berkenaan dilakukan sebagai dorongan untuk tidak diambil tindakan terhadap Li Ting (SD3) sahaja. Tertuduh mendakwa, kecacatan ini telah menyebabkan kesan prejudis terhadap dirinya.

I

[27] Mahkamah ini telah meneliti keseluruhan rekod-rekod rayuan khususnya nota-nota keterangan semasa prosiding perbicaraan di Mahkamah Sesyen. Mahkamah ini mendapati bahawa selain daripada Li Ting (SD3) yang disyaki melakukan kesalahan memiliki kad pengenalan (MyPR) palsu, versi pendakwaan adalah tertuduh sendiri telah gagal mengemukakan kad pengenalannya pada hari kejadian apabila diminta berbuat demikian oleh SP1. Kegagalan tertuduh mengemukakan kad pengenalan ini merupakan suatu kesalahan menurut Peraturan 25(1)(n) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, sebagaimana jelas dinyatakan di dalam pertuduhan berkenaan.

[28] Mahkamah ini mendapati bahawa pihak pendakwaan melalui saksi-saksinya telah secara konsisten mengemukakan keterangan berhubung kegagalan tertuduh mengemukakan kad pengenalannya pada hari kejadian. Namun, perkara ini telah dinafikan oleh pihak pembelaan. Walau apa pun, sama ada kesalahan gagal mengemukakan kad pengenalan tersebut sebenarnya dilakukan oleh tertuduh atau tidak, ianya sama sekali tidak menjadikan pertuduhan tersebut cacat dan defektif. Kesalahan tersebut perlu dibuktikan di mahkamah menurut beban pembuktian yang ditetapkan oleh undang-undang, sekiranya dipertuduhkan. Sungguhpun jika kesalahan yang dinyatakan tidak dipertuduhkan di mahkamah, ianya merupakan kuasa prerogatif Pendakwa Raya sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak wajar dipersoalkan.

[29] Sehubungan itu, mahkamah ini mendapati bahawa pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh adalah sempurna dan tiada sebarang cacat celanya, sah dan teratur serta telah mematuhi kehendak peruntukan ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Segala butiran mengenai bentuk kesalahan, masa, tempat dan orang dan bila cara melakukan kesalahan telah dinyatakan dengan jelas yang membolehkan tertuduh membangkitkan pembelaannya. Tidak wujud langsung sebarang kekeliruan atau kesan prejudis yang boleh menyebabkan miscarriage of justice kepada kes pembelaan. Justeru, mahkamah ini berpandangan bahawa isu pertama yang dibangkitkan oleh tertuduh ini sama sekali tidak bermerit.

Isu (ii) Izin Pendakwa Raya Juga Adalah Cacat Dan Defektif

[30] Tertuduh seterusnya membangkitkan isu bahawa izin Pendakwa Raya bertarikh 2 Mac 2019 ('izin PP') yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan juga cacat dan defektif. Ini kerana, tarikh kesalahan dilakukan yang tercatat pada izin PP berkenaan adalah 28 Januari 2018, sedangkan kesalahan berkenaan sebenarnya dilakukan pada 28 Jun 2018, sebagaimana yang di dalam pertuduhan. Menurut pihak pembelaan, kesilapan tarikh pada izin PP berkenaan menunjukkan ianya dikeluarkan oleh pihak pendakwaan tanpa penelitian dan pertimbangan menyeluruh ('without full consideration and deliberation'), dan hal ini telah mencacatkan kes pendakwaan.

[31] Berhubung kesilapan tarikh pada izin PP berkenaan, pihak TPR mengakui ('conceded') bahawa sememangnya terdapat kesilapan pengkeranian pada tarikh yang dinyatakan pada izin PP berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak TPR menghujahkan bahawa kesilapan pengkeranian berkenaan langsung tidak memprejudiskan tertuduh dan tertuduh masih boleh membangkitkan pembelaannya dengan efektif, tanpa sebarang kekeliruan.

[32] Malah menurut TPR, sepanjang prosiding perbicaraan di hadapan hakim bicara, tertuduh sendiri tidak pernah mempertikaikan fakta bahawa sememangnya berlakunya penyerahan wang oleh dirinya kepada SP1 (yang didakwa sebagai wang jaminan untuk menjamin Li Ting (SD3)) pada tarikh 28 Jun 2018. Tertuduh tidak pernah sekalipun terkeliru berhubung tarikh penyerahan wang itu dibuat kepada SP1.

[33] Dalam kes ini, prosiding pendakwaan terhadap tertuduh dikendalikan oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya iaitu Encik Abdul Rashid Bin Sulaiman. Undang-undang adalah mantap bahawa seorang Timbalan Pendakwa Raya mempunyai kuasa sebagaimana seorang Pendakwa Raya, yakni untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding jenayah sebagaimana digariskan menurut Kanun Tatacara Jenayah.

[34] Malah, telah diputuskan dalam banyak kes-kes duluan bahawa sekiranya sesuatu prosiding itu dikendalikan oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya, izin Pendakwa Raya secara bertulis tidak lagi diperlukan. Dalam hal ini, Mahkamah ini ingin memetik keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tarmizi Yacob & Anor v. PP & Another Appeal* [2010] 8 CLJ 501 yang telah membincangkan sama ada suatu izin Pendakwa Raya secara bertulis masih diperlukan sekiranya pendakwaan dikendalikan oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya. Di dalam penghakimannya, Richard Malanjum, HB Sabah dan Sarawak (pada masa itu) telah memutuskan sebagaimana berikut:

> [35] We agree with the view of the Court of Appeal and the submission of the learned deputy. The law was concisely and correctly summarized by Yong Pung How CJ (Singapore) in *Garmaz s/o Pakhar & Anor v. Public Prosecutor* [1995] 3 SLR 701 when he said this at p. 720:
>
> > The settled Malaysian position has been to consider a deputy public prosecutor as being capable of exercising all the rights and powers of the public prosecutor ... It follows from this proposition that where prosecution is conducted by a DPP, the consent of the public prosecutor is implicit in his actions and no further written consent of the public prosecutor is required. Indeed, this was the holding of the Privy Council in *PP v. Oie Hee Koi* [1967] CLJU 132; [1967] 1 LNS 132; [1968] 1 MLJ 148. The ruling in *PP v. Oie Hee*

Koi [1967] CLJU 132; [1967] 1 LNS 132; [1968] 1 MLJ 148 was followed in *Perumal v. PP* [1970] CLJU 101; [1970] 1 LNS 101; [1970] 2 MLJ 265, *PP v. Mohamed Halipah Adan* [1981] CLJ 92; [1981] CLJ (Rep) 238; *PP v. Datuk Haji Dzulkifli* [1982] CLJ 644 (Rep); [1982] CLJ 29; [1982] 1 MLJ 340 and *PP v. Lim Boon Hock* [1985] CLJ 688 (Rep); [1985] 1 CLJ 368; [1985] 2 MLJ 219.

[36] The learned Chief Justice also noted that in *Public Prosecutor v. Lee Chwee Kiok* (*supra*) Harun J (as he then was) had not been referred to the Privy Council decision in *Public Prosecutor v. Oie Hee Koi* (*supra*).

[37] And in fact Yusof Abdul Rashid J in *Public Prosecutor v. Mohamed Halipah Adan* (*supra*) declined to follow the judgment of Harun J. He preferred to follow *Public Prosecutor v. Oie Hee Koi* (*supra*) and said this at p. 245:

> It is to be noted that in the above case *the prosecution was conducted before the High Court by a Deputy Public Prosecutor who under the Criminal Procedure Code is vested with all the powers of the Public Prosecutor. On the authority of this case, it is clear that where the prosecution is conducted by a Deputy Public Prosecutor the consent of the Public Prosecutor is implicit in his action and no written consent of the Public Prosecutor is required*.

[38] In another case of *Gnanasegaran Pararajasingam v. Public Prosecutor* [1997] 4 CLJ 6 Mahadev Shankar JCA said this at p. 21:

> *If a deputy public prosecutor is present and goes on record when the accused is called upon to plead to an offence under this Act no separate consent should be required* (see *Lyn Hong Yap v. PP* [1953] CLJU 52; [1953] 1 LNS 52; [1956] MLJ 226 and *Perumal v. PP* [1970] CLJU 101; [1970] 1 LNS 101; [1970] 2 MLJ 265)

[39] As such we find no merit in the contention of learned counsel for the appellants on the issue of absence of consent of the Public Prosecutor in respect of the amended charge.

(penekanan ditambah)

[35] Berpandukan prinsip undang-undang dalam kes-kes di atas, mahkamah ini berpandangan bahawa memandangkan prosiding pendakwaan terhadap tertuduh pada sepanjang masa adalah dikendalikan oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya, maka isu kesilapan pengekeranian pada izin PP (pada tarikh kesalahan dilakukan) sama sekali tidak memprejudiskan tertuduh. Malah, ketiadaan izin PP berkenaan juga tidak akan mencacatkan kes pendakwaan.

[36] Apatah lagi, pertuduhan yang telah dibacakan serta diakui faham oleh tertuduh mengandungi tarikh serta butiran-butiran lain yang tepat sebagaimana dikehendaki undang-undang, dan pihak pembelaan tidak pernah terhalang mahupun terkeliru dalam membangkitkan pembelaan yang efektif berhubung kesalahan yang dipertuduh. Justeru, mahkamah ini berpandangan bahawa isu kedua yang dibangkitkan oleh tertuduh ini juga tidak bermerit.

Isu (iii) Kegagalan Pihak Pendakwaan Memanggil Saksi Material Iaitu Soo Chong Ling (SD2) Sebagai Saksi Pendakwaan Telah Membangkitkan Inferens Menurut Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950

[37] Tertuduh seterusnya membangkitkan isu bahawa Soo Chong Lim merupakan seorang saksi yang material dalam membuktikan naratif kes pendakwaan. Justeru, kegagalan pihak pendakwaan memanggilnya sebagai saksi telah membangkitkan anggapan adverse inference menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

[38] Pihak pendakwaan pula menghujahkan bahawa sungguhpun tidak dipanggil sebagai saksi pendakwaan, Soo Chong Lim telah ditawarkan kepada pihak pembelaan dan telah pun hadir memberikan keterangannya sebagai SD2. Justeru, dalam keadaan ini, isu anggapan adverse inference menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 sama sekali tidak berbangkit.

[39] Apatah lagi menurut pihak pendakwaan, tawaran rasuah yang berulang-ulang kali cuba dilakukan oleh tertuduh kepada SP1 telah berlaku di Bilik Siasatan di Aras 3, Ibu Pejabat JPN, Putrajaya dan hanya melibatkan tertuduh dan SP1, serta disaksikan oleh SP2, SP4 dan SP6. Ianya sama sekali di luar pengetahuan mahupun penglihatan SD2. SD2 hanya hadir ke Ibu Pejabat JPN, Putrajaya selepas dihubungi oleh tertuduh yang memintanya untuk membawa wang tunai dan memberikannya kepada tertuduh, sedangkan tertuduh telah menawarkan suapan kepada SP1 sebelum SD2 hadir lagi. Oleh itu, menurut pihak pendakwaan, sungguhpun jika dipanggil sebagai saksi pendakwaan, SD2 tidak dapat mengesahkan apa yang berlaku di dalam bilik siasatan tersebut sebelum dia sampai dan menyerahkan wang tersebut kepada tertuduh.

[40] Dalam menentukan sama ada anggapan adverse inference menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai atau tidak dalam kes tertuduh ini, adalah penting untuk ditekankan bahawa pemakaian peruntukan berkenaan adalah bergantung kepada budi bicara mahkamah berdasarkan penelitian menyeluruh terhadap keseluruhan fakta sesuatu kes. Dalam keadaan di mana wujudnya suatu keterangan material yang boleh dikemukakan namun pihak pendakwaan memilih untuk tidak mengemukakan keterangan tersebut, maka anggapan adverse inference menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai. Anggapan ini akan membenarkan mahkamah untuk menganggap bahawa sesuatu fakta itu mungkin telah berlaku setelah menilai setiap keterangan di dalam kes tersebut.

[41] Dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1986] 1 MLRA 292, Mahkamah Agung telah menyatakan seperti berikut:

> it is essential to appreciate the scope of section 114(g) lest it be carried too far outside its limit. *Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure*

to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document but material document by a party in his possession, or for non-production of not just any witness but an important and material to the case.

(penekanan ditambah)

[42] Mahkamah ini juga ingin memetik penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233 yang telah membincangkan skop penggunaan anggapan adverse inference menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950, di mana Chong Siew Fai, HB Sabah dan Sarawak (pada masa itu) telah mengulas seperti berikut:

The drawing of adverse inferences pursuant to s. 114(g) of the EA is not a matter of an inflexible rule but depends on the circumstances of each particular case. *The question to consider is whether the existence of a fact or state of things makes the existence of another fact or state of things so likely that it may be presumed to exist The answer must naturally vary according to the circumstances, the nature of the fact required to be proved and its importance in the controversy, the usual and commonly recognised mode of proving it and the nature, quality and cogency of the evidence which has not been produced and its accessibility to the party concerned*. In the instant case, no adverse inferences should be drawn against the prosecution for the non-production of both Chotar and Amran, at least at that stage of the trial. They were not material to the point in issue as the basis of the prosecution's case to substantiate the charge was on the "sale of cannabis resulting from negotiations".

(penekanan ditambah)

[43] Selanjutnya, dalam kes *Ghasem Hozouri Hassan v. PP* [2018] 6 CLJ 133; [2019] 6 MLJ 231, Raus Sharif, KHN (pada ketika itu) telah memutuskan sebagaimana berikut:

[48] The law pertaining to s. 114(g) of the Evidence Act 1950 is settled. *Under s. 114(g) of the Evidence Act 1950 the court may presume that evidence which could be and is not produced would if produced be unfavorable to the person who withholds it The usage of the word 'may' gives the discretion to the court whether or not to invoke the adverse inference to a given set of facts, it is not a mandatory inference. To draw an adverse inference against the prosecution the court must be satisfied that the witness that was not offered was a material witness, the prosecution purposely withhold evidence which it possessed and which was always available: and that what the prosecution did was done with an ulterior motive to frustrate the defence* (*Nanda Kumar Kunyikanan & Anor v. Pendakwa Raya* [2011] 8 CLJ 406; [2011] MLJU 1566).

[49] The aforesaid authority above set out is the correct position of the law, that is, *court will not invoke an adverse inference against prosecution if it believes that the facts and/or the prosecution's reasons for not calling the supposed material witnesses show no cause for it*. Moreover, the prosecution only needs to produce witnesses who are necessary in the unfolding of its complete narrative, that is, to prove the essential elements of the crime and in this case, custody, control, and knowledge. Applying the above principles to our present case, we are satisfied that there was no evidence to suggest

A even the slightest inkling that the prosecution withheld testimonies by Javad @ Hasan Tiren and Samaneh Momen in a deliberate scheme to impair the truth or frustrate the appellant's defence.

[50] Further, in the case of *Siew Yoke Keong v. Public Prosecutor* this court had succinctly laid down that witnesses for prosecution are indispensable
B only insofar as they are necessary in establishing a prosecution's case beyond a reasonable doubt Thus, any calling of witness beyond that minimum requirement is within prosecutorial discretion. In the end, it is the sufficiency of the evidence that matters. As long as there are no unsatisfactory features or gaps in the prosecution's case, an order of adverse inference is not imperative, It is our view, on the facts of this case,
C adverse inference under s. 114(g) of the Evidence Act, could not be invoked against the prosecution.

(penekanan ditambah)

[44] Berdasarkan panduan dan prinsip yang telah digariskan dalam nas-nas duluan berhubung penggunaan anggapan adverse inference menurut s. 114(g)
D Akta Keterangan 1950, mahkamah ini mendapati bahawa kewujudan Soo Chong Lim serta peranannya dalam fakta kes ini tidak pernah disembunyikan oleh pihak pendakwaan. Malah, beliau juga telah ditawarkan oleh pihak pendakwaan kepada pihak pembelaan, dan telah hadir memberikan keterangan sebagai SD2. Maka, isu "withholding or suppression of
E evidence" di pihak pendakwaan sama sekali tidak berbangkit.

[45] Mahkamah juga bersetuju dengan hujahan pihak TPR bahawa ketiadaan keterangan Soo Chong Lim sebagai saksi pendakwaan juga tidak mencacatkan atau mewujudkan sebarang kelompangan dalam naratif kes pendakwaan. Malah jika dipanggil sebagai saksi pendakwaan juga, tidak
F memberi sebarang weightage kepada kes mereka. Tidak wujud sebarang ulterior motive di pihak pendakwaan yang boleh memprejudiskan pihak pembelaan, apatah lagi saksi berkenaan telah ditawarkan dan dijadikan saksi pembelaan sebagai SD2. Justeru, mahkamah ini berpandangan bahawa isu anggapan adverse inference menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 yang
G cuba dibangkitkan oleh pihak pembelaan ini sama sekali tidak bermerit.

Isu (iv) Perbezaan Jumlah Wang Rasuah/Wang Suapan Yang Diberikan Kepada SP1

[46] Tertuduh selanjutnya membangkitkan isu bahawa terdapat percanggahan berhubung jumlah wang yang telah diberikan oleh tertuduh
H kepada SP1, iaitu RM20,000 dan bukannya RM19,050 sebagaimana dicatatkan di dalam pertuduhan. Menurut tertuduh, perbezaan tersebut telah melemahkan kes pendakwaan.

I

[47] Isu ini sesungguhnya telah dijawab oleh YA HMT dan mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengulas lebih panjang lebar berhubung isu ini. Mahkamah telah meneliti keseluruhan rekod-rekod rayuan dan berpendapat bahawa keterangan pihak pendakwaan sama ada melalui saksi-saksi yang dipanggil, keterangan bertulis (documentary evidence), serta keterangan SD2 sendiri adalah konsisten bahawa jumlah wang suapan yang diberikan terhadap SP1 adalah RM19,050, sebagaimana tepat dinyatakan dalam pertuduhan. Mahkamah ini tidak mempunyai sebab untuk tidak mempercayai versi pendakwaan berhubung jumlah sebenar wang yang telah diberikan oleh tertuduh kepada SP1.

[48] Mahkamah ini juga ingin menekankan bahawa dalam kes tertuduh ini, apa yang perlu dinilai dan diperhalusi oleh hakim bicara adalah sama ada setiap inti pati dalam kesalahan s. 17(b) ASPRM telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan, di mana salah satu inti pati yang perlu dibuktikan adalah sama ada tertuduh telah memberi wang rasuah/wang suapan kepada SP1. Selepas setiap inti pati dibuktikan, barulah anggapan statutori menurut s. 50 ASPRM terpakai di mana tertuduh bertanggungan untuk mematahkan anggapan berkenaan dengan membuktikan bahawa wang yang diberikan itu bukanlah wang rasuah/wang suapan, atas imbangan kebarangkalian (on the balance of probabilities).

[49] Berhubung inti pati pertuduhan bahawa berlakunya penyerahan wang rasuah/wang suapan oleh tertuduh, mahkamah ini mendapati bahawa tertuduh sendiri, di sepanjang prosiding perbicaraan sehingga ke peringkat rayuan ini, tidak pernah mempertikaikan fakta bahawa sememangnya berlakunya penyerahan wang oleh dirinya kepada SP1 (yang didakwa sebagai wang jaminan untuk menjamin Li Ting (SD3)) pada tarikh 28 Jun 2018. Maka, inti pati kedua yakni berlaku penyerahan wang itu sememangnya telah dibuktikan. Justeru, mahkamah ini berpandangan bahawa isu perbezaan jumlah wang yang cuba dibangkitkan oleh tertuduh ini sama sekali tidak memberikan sebarang kesan prejudis kepada tertuduh dalam membangkitkan pembelaanya, apatah lagi melemahkan kes pendakwaan.

[50] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini mendapati bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh tertuduh dalam rayuan ini adalah tidak bermerit. Mahkamah juga berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah dan tertuduh telah gagal mematahkan anggapan statutori menurut s. 50 ASPRM tersebut.

[51] Justeru, mahkamah ini sebulat suara menolak rayuan tertuduh terhadap sabitan. Sabitan yang dikenakan oleh YA HMT terhadap tertuduh menurut s. 17(b) ASPRM dan boleh dihukum di bawah s. 24 Akta yang sama adalah disahkan dan dikekalkan.

A **Rayuan Silang TPR Terhadap Hukuman**

[52] Di peringkat rayuan di Mahkamah Tinggi, YA HMT, selepas mendapati tertuduh bersalah menurut s. 17(b) ASPRM telah memerintahkan tertuduh menjalani hukuman pemenjaraan selama satu hari dan denda sebanyak RM30,000 gagal bayar enam bulan pemenjaraan. Pihak TPR yang
B tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut telah mengemukakan rayuan silang terhadap hukuman oleh YA HMT di hadapan mahkamah ini.

[53] Pertama sekali, pihak TPR menghujahkan bahawa hukuman yang diberikan tersebut adalah tidak sah menurut undang-undang (error in law).
C ini kerana, hukuman menurut s. 24 ASPRM memperuntukkan hukuman pemenjaraan yang boleh sampai 20 tahun dan hukuman denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang.

[54] Selain itu, pihak TPR juga menghujahkan bahawa hukuman oleh YA
D HMT tersebut adalah terlalu ringan (manifestly inadequate) jika dibandingkan dengan hukuman yang diperuntukkan undang-undang. Tertuduh hanya dijatuhkan hukuman pemenjaraan paling minima iaitu satu hari sahaja berbanding peruntukan hukuman yang boleh sampai 20 tahun walaupun tertuduh telah disabitkan setelah perbicaraan penuh dijalankan
E dengan seramai sepuluh orang saksi pendakwaan dan tiga saksi pembelaan telah dipanggil.

[55] Menurut pihak TPR lagi, hukuman pemenjaraan yang berat dan denda yang tinggi sewajarnya dikenakan terhadap tertuduh, mengambil kira hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang yang secara langsung
F menunjukkan keseriusan jenayah yang dilakukan oleh tertuduh.

[56] Pihak TPR juga menghujahkan bahawa YA HMT telah terkhilaf dalam memberikan hukuman apabila beliau telah mendahulukan kepentingan tertuduh melebihi kepentingan awam. Kelakuan tertuduh yang dengan beraninya menawarkan rasuah secara berulang kali kepada SP1, walaupun
G telah diberi amaran dan ditolak oleh SP1 harus diberi pertimbangan serius oleh mahkamah ini. Justeru, suatu hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan sesungguhnya akan memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak mengulangi perbuatan yang sama, sekaligus dapat memberi peringatan kepada masyarakat bahawa penjawat awam tidak akan sesekali
H berkompromi dengan isu rasuah.

[57] Pihak TPR juga telah membawa perhatian mahkamah ini kepada trend hukuman yang telah dikenakan oleh mahkamah dalam kes-kes duluan melibatkan pertuduhan yang sama iaitu s. 17(b) ASPRM, sebagai panduan kepada mahkamah ini dalam memberikan hukuman yang bersesuaian.

I

[58] Dalam menjawab rayuan silang pihak TPR ini, peguam tertuduh menghujahkan bahawa hukuman yang diberikan oleh YA HMT sesungguhnya telah diberikan menurut budi bicara beliau sebagaimana dibenarkan oleh undang-undang, dan perkara ini tidak seharusnya diganggu pada peringkat rayuan ini.

[59] Selain itu, peguam tertuduh juga telah membuat rujukan kepada penghakiman Mahkamah Agung dalam kes *PP v. Mohamed Nor & Ors* [1985] CLJU 25; [1985] 1 LNS 25, melibatkan tiga orang perayu yang disabitkan dengan pertuduhan menurut s. 298A Kanun Keseksaan dan diberikan bon berkelakuan baik. Dalam kes berkenaan, Abdul Hamid Mohamad, KHN (pada ketika itu) telah memutuskan sebagaimana berikut:

> in this regard we would observe that it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances. And the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence.

[60] Berpandukan kes *PP v. Mohamed Nor & Ors* (*supra*) ini, peguam tertuduh selanjutnya memohon agar tertuduh dalam kes ini juga diberikan bon berkelakuan baik selaras dengan s. 294 KTJ.

[61] Dalam memutuskan hukuman yang wajar dikenakan terhadap tertuduh, mahkamah ini telah meneliti keseluruhan fakta kes serta hujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Mahkamah ini juga telah memberikan pertimbangan menyeluruh terhadap keseriusan kesalahan yang dilakukan, serta betapa kerapnya kesalahan sebegini dilaporkan di media saban hari. Apatah lagi, kesalahan rasuah yang dilakukan tertuduh ini melibatkan SP1, seorang penjawat awam di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Jabatan Pendaftaran Negara. Perihal ini menunjukkan betapa rendahnya nilai seorang penjawat awam di mata tertuduh, sehingga berani menawarkan secara berulang-kali, dan memberikan wang rasuah/ wang suapan kepada SP1.

[62] Prinsip undang-undang berhubung campur tangan mahkamah di peringkat rayuan terhadap keputusan hakim bawahan dalam menentukan sesuatu hukuman adalah mantap. Mahkamah ini dalam kes *PP v. Ling Leh Hoe* [2015] 4 CLJ 869 telah memutuskan:

> [14] The appellate court can and will interfere in the sentence imposed by the lower court if it is satisfied that any of the following four grounds are made out:
>
> (a) The sentencing judge had made a wrong decision as to the proper factual basis for the sentence;

A (b) There had been an error on the part of the trial judge in appreciating the material facts placed before him;

(c) The sentence was wrong in principle; or

(d) The sentence imposed was manifestly excessive or inadequate.

B (See *R v. Ball* [1951] 35 Cr App R 164; *Loo Weng Fatt v. Public Prosecutor* [2001] 3 SLR 313 at para [65]; *Public Prosecutor v. Ul* [2008] 4 SLR (R) 500).

[15] In similar vein, the Court of Criminal Appeal in *Dookes v. Director of Public Prosecutions* [2010] SCJ 71 said at para 177:

> C ... sentencing is not a science of mathematical application of any set formula. It is a normative science rather than a physical science which takes into account the circumstances of the offender as well as the offence and the impact of the offence on the community. A sentence may look to be lenient because it is tailored to fit the offender, the offence and the offended but, in our system of justice, the trial court is the only constitutional institution which
> D is empowered and sovereign in determining which sentence to impose on an offender on the facts of the particular case. An appellate court would scarce intervene unless the sentence is wrong in principle or manifestly harsh and excessive or unduly lenient. *However, even if there is nothing wrong with the principle, the*
> E *sentence may be increased bv the appellate court if it is unduly lenient The principle of proportionality pervades through the whole system of justice, in procedure, substance and sanctions.*
>
> (emphasis added)

[63] Berpandukan nas di atas, mahkamah ini senada dengan hujahan pihak
F TPR bahawa hukuman pemenjaraan selama satu hari dan denda sebanyak RM30,000 gagal bayar enam bulan pemenjaraan yang diberikan oleh YA HMT tersebut adalah terlalu ringan (manifestly inadequate) dan tidak melambangkan keseriusan kesalahan yang dilakukan.

[64] Sesungguhnya, kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh ini merupakan
G suatu kesalahan yang serius dan tidak boleh dipandang ringan. Justeru, suatu mesej yang jelas harus diberikan kepada masyarakat umum bahawa hukuman yang berat akan dikenakan ke atas setiap percubaan/perlakuan rasuah khususnya melibatkan penjawat awam. Pada masa sama, penjawat awam juga tidak akan berkompromi dengan kesalahan seumpama ini dan akan melaporkan setiap percubaan/perlakuan kepada pihak berkuasa untuk
H diambil tindakan.

[65] Dengan hormatnya, mahkamah ini juga tidak bersetuju dengan hujahan peguam tertuduh yang menghujahkan bahawa budi bicara YA HMT dalam menjatuhkan hukuman tidak wajar diganggu oleh mahkamah ini. Kes
I *PP v. Mohamed Nor & Ors* (*supra*) yang dirujuk oleh peguam tertuduh yang

terpelajar juga bukanlah suatu kes yang tepat atau bersesuaian bagi kes di hadapan mahkamah, memandangkan ianya melibatkan pertuduhan dan hukuman yang berbeza menurut undang-undang.

[66] Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan di atas, mahkamah ini secara sebulat suara membenarkan rayuan silang TPR terhadap hukuman. Hukuman pemenjaraan selama satu hari dan denda sebanyak RM30,000 jika tidak bayar enam bulan penjara yang dikenakan oleh YA HMT adalah diketepikan, dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh dua tahun berkuat kuasa dari tarikh perintah ini, 11 March 2025 dan denda sebanyak RM95,250 sekiranya gagal bayar satu tahun penjara. Dengan itu juga, waran komital dikeluarkan terhadap tertuduh.